Tinjauan Keseluruhan

Pasaran kewangan global kekal tidak menentu pada separuh kedua tahun 2023, didorong oleh jangkaan yang berubah-ubah tentang masa pengurangan kadar dasar dalam ekonomi utama, ketegangan geopolitik yang diperbaharui dan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan. Walaupun terdapat volatiliti global, pasaran kewangan domestik kekal teratur dengan pengantaraan aliran dua hala berterusan dalam pasaran bon dan ekuiti. Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) meningkat pada suku keempat tahun 2023, namun kemudiannya berkurang menjelang akhir tahun berikutan jangkaan yang semakin meningkat berhubung dengan penyusutan Federal Funds Rate AS. Mudah tunai pasaran kekal kukuh dalam pasaran bon kerajaan Malaysia manakala spread kredit bon korporat semakin mengecil. Hal ini terus menyokong keadaan pendanaan yang menggalakkan.

Dalam pasaran pertukaran asing (*foreign exchange*, FX), perbezaan kadar hasil antara Sekuriti Kerajaan Malaysia dengan US Treasury terus memberikan kesan terhadap ringgit. Sejak awal tahun 2024, nilai ringgit telah menurun sebanyak 1.8%[1] berbanding dolar AS, didorong oleh perkembangan luaran. Ringgit kekal di bawah nilai saksama dan tidak mencerminkan asas dan prospek ekonomi Malaysia yang positif. Tindakan bersepadu oleh Kerajaan, Bank Negara Malaysia (BNM), syarikat berkaitan kerajaan (government-linked company, GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (government-linked investment company, GLIC) telah menyumbang ke arah usaha menggalakkan aliran masuk yang lebih mampan ke dalam pasaran FX, manakala pembaharuan struktur akan menyokong ringgit secara berterusan. Kesan pergerakan mata wang baru-baru ini terhadap kestabilan kewangan kekal terurus. Pinjaman mata wang asing oleh syarikat bukan kewangan kebanyakannya dilindung nilai. Hanya sebilangan kecil syarikat korporat yang membuat pinjaman luar negeri tanpa dilindung nilai (1.8% daripada jumlah hutang perniagaan) yang mungkin mudah terkesan oleh volatiliti kadar pertukaran. Pendanaan luar negeri serta kedudukan terbuka bersih mata wang asing bank-bank juga kekal rendah.

Perniagaan kekal berdaya tahan, disokong oleh permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, tekanan kos terus memberikan kesan terhadap prestasi kewangan perniagaan dalam beberapa sektor. Penambahbaikan selanjutnya dalam leveraj bersama-sama dengan penampan wang tunai lebih tinggi yang dikekalkan oleh perniagaan telah menyokong keupayaan membayar balik hutang secara keseluruhan. Bahagian syarikat yang berisiko terus menurun, didorong oleh syarikat dalam sektor perkilangan dan pembinaan, walaupun masing-masing kekal lebih tinggi daripada yang dicatatkan sebelum pandemik. Sebahagian kecil perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menunjukkan tanda-tanda kelemahan kewangan, seperti kelewatan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi disebabkan oleh kesukaran aliran tunai. Walau bagaimanapun, kebanyakan PKS dapat meneruskan bayaran balik hutang, termasuk PKS yang telah menamatkan program bantuan bayaran balik yang diperkenalkan semasa pandemik. Pada masa hadapan, penunjuk utama menunjukkan bahawa pinjaman terjejas perniagaan secara relatif masih terkawal. Bahagian pinjaman perniagaan yang dikenal pasti oleh bank-bank sebagai mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi (dikelaskan sebagai Tahap 2) bertambah baik iaitu pada 12.4% (Jun 2023: 13.8%), dengan bank-bank mula memasukkan kira semula (*write-back*) peruntukan terhadap beberapa dedahan syarikat korporat yang besar. Akses yang dipertingkatkan kepada mekanisme penyelesaian hutang dengan pindaan Akta Syarikat 2016 baru-baru ini akan berfungsi untuk mengurangkan lagi risiko mungkir perniagaan.

Peningkatan pendapatan dan keadaan guna tenaga terus memelihara daya tahan isi rumah. Langkah-langkah keupayaan bayaran balik hutang kekal kukuh. Median nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan terkumpul telah stabil kerana bank-bank terus mematuhi standard pemberian pinjaman yang kukuh. Pinjaman isi rumah yang mungkin berisiko lebih tinggi untuk mungkir meningkat

[1] Data setakat 12 Mac 2024.

sedikit kepada 4.8% daripada jumlah pinjaman isi rumah (Jun 2023: 4.3%). Nilai pinjaman Tahap 2 isi rumah ini kekal dalam jangkaan bank-bank dan berada kira-kira 40% lebih rendah berbanding dengan paras ketika kemuncak pandemik. Isi rumah yang berhadapan dengan kesukaran bayaran balik pinjaman adalah terhad kepada segmen kecil peminjam dengan kelemahan kewangan sedia ada dan mereka yang kurang berkeupayaan untuk menyesuaikan diri dengan kos sara hidup yang lebih tinggi. Bantuan bagi peminjam ini masih tersedia melalui perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Pendaftaran dalam Program Pengurusan Hutang (Debt Management Programme, DMP) AKPK meningkat dengan ketara pada tahun 2023 seiring dengan tahap kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan peminjam terhadap perkhidmatan AKPK. Walau bagaimanapun, pinjaman isi rumah yang diuruskan di bawah DMP kekal sangat kecil iaitu sebanyak 0.54% daripada jumlah pinjaman bank dan institusi kewangan pembangunan.

Sistem perbankan kekal kukuh. Bank-bank terus memegang penampan aset mudah tunai berkualiti tinggi yang besar untuk menghadapi kejutan mudah tunai dan pendanaan. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) agregat masing-masing berada pada 160.9% dan 118.2%. Berikutan keperluan bagi penampan wang tunai sebagai langkah awasan yang berkurang, peralihan berterusan ke arah deposit jangka panjang oleh pendeposit akan terus menyokong kestabilan sumber pendanaan bank-bank. Sepanjang tahun 2023, beberapa langkah telah diambil oleh BNM untuk mengukuhkan lagi pengawalseliaan dan penyeliaan risiko mudah tunai. Langkah ini termasuk memberikan perhatian yang lebih tertumpu terhadap keupayaan bank-bank untuk memantau tumpuan pendeposit pada tahap butiran dan kecukupan pelan pembiayaan luar jangka.

Kos pendanaan yang lebih tinggi menyumbang kepada keuntungan tahun ke tahun yang lebih rendah bagi bank-bank berbanding dengan separuh pertama tahun 2023. Namun begitu, aktiviti pemberian pinjaman yang berterusan dan peningkatan pendapatan perdagangan dan pelaburan memberikan sedikit sokongan terhadap pendapatan bank-bank. Kos kredit tahunan juga telah berkurang dengan ketara daripada paras tertinggi sebelum ini yang dicatatkan semasa pandemik. Bank-bank terus mempunyai permodalan yang kukuh untuk menyerap kejutan yang tidak dijangka dan menyokong pengantaraan kewangan dalam ekonomi, dengan jumlah nisbah modal sistem perbankan pada 18.5% dan penampan modal melebihi paras minimum pengawalseliaan berjumlah RM142.6 bilion pada akhir bulan Disember 2023.

Sektor insurans dan takaful juga kekal berdaya tahan. Dana insurans hayat dan takaful keluarga terus mencatatkan kerugian pengunderaitan pada separuh kedua tahun 2023 berikutan pembayaran tuntutan perubatan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, keseluruhan keuntungan terus disokong oleh pendapatan pelaburan dan pertumbuhan berterusan dalam jumlah premium perniagaan baharu. Dalam sektor insurans dan takaful am, perolehan daripada keuntungan operasi sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan premium yang lebih tinggi dalam segmen motor. Pada masa hadapan, penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) dijangka kekal berdaya tahan untuk menghadapi beberapa risiko yang disebabkan oleh peningkatan volatiliti pasaran kewangan yang mempengaruhi prestasi pelaburan, kos tuntutan motor dan perubatan yang lebih tinggi serta peristiwa cuaca buruk yang semakin kerap. Hal ini disokong oleh kedudukan modal yang kukuh. Nisbah kecukupan modal agregat ITO berada pada 222.2% dengan lebihan penampan modal melebihi tahap minimum pengawalseliaan sebanyak RM38.6 bilion pada akhir bulan Disember 2023.

Ujian tekanan kesolvenan makro yang dijalankan oleh BNM baru-baru ini seterusnya mengesahkan daya tahan institusi kewangan terhadap kerugian yang tidak dijangka daripada kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Melalui ujian tekanan terkini yang diterbitkan dalam Tinjauan ini yang menunjukkan risiko tambahan pertumbuhan yang lebih perlahan, nisbah modal agregat selepas kejutan yang paling teruk bagi bank-bank (15.4%), penanggung insurans hayat (148%) dan penanggung insurans am (181%) kekal melebihi tahap minimum pengawalseliaan semasa tempoh tekanan.

Pengukuhan daya tahan operasi dan siber tetap menjadi keutamaan BNM dan institusi kewangan berikutan pendigitalan dan penggunaan teknologi dalam industri kewangan yang semakin meningkat. BNM terus menghendaki institusi kewangan supaya mengamalkan standard keselamatan siber yang kukuh dan sentiasa berwaspada terhadap risiko teknologi dan ancaman siber yang semakin berkembang. Keperluan yang diperkukuh telah diperkenalkan tentang langkah-langkah untuk membanteras penipuan perbankan dalam talian, pengurusan risiko awan dan pelaporan risiko operasi. Di samping itu, langkah-langkah terus diambil untuk mempertingkatkan keupayaan pengawasan keseluruhan sistem dan tindak balas krisis yang diselaraskan.